

Lantaran itu, yang ilmiah dan yang kritis juga boleh diolahkan, disebarluaskan dan dihargai sebagai kreatif. Maka pengiktirafan kerana penguasaan ilmu wajar.

3. Kemajuan yang saksama dan beretika dengan penggunaan sumber daya rakyat melalui pembudayaan sains dan teknologi terkini perlu disampaikan dalam bahasa rakyat. Perancangan strategik untuk pembinaan kepakaran sarjana dan keterampilan penulis / sasterawan perlu dibuat.
4. Hubungan kerjasama yang erat perlu dijalin dengan penerbit dan yayasan antarabangsa dalam penerokaan dan penerbitan ilmu pengetahuan sains dan teknologi dalam bahasa Melayu/Indonesia dalam bentuk yang kreatif dan multimedia sifatnya. Usaha ini akan juga menyebarluaskan penemuan ilmu sastera/bahasa kepada masyarakat, selain menggarapkan pelbagai persoalan/isu yang mengangkat nilai-nilai budaya Melayu Islam yang universal, yang dijana melalui pengkaryaan yang berwibawa.

Kreativiti Dalam Pendidikan

1. Kreativiti dapat dijana melalui pendidikan yang berterusan dan bersepada melalui penggunaan kaedah pengajaran bahasa yang mampu meningkatkan daya kognitif dan daya kreatif pelajar. Penyemarakan dan pemupukan pandangan alam semesta dan yang berteraskan tauhid - nilai-nilai Islam, akan juga memungkinkan penghasilan karya bermutu dan penggiat sastera berkualiti.
2. Kreativiti memerlukan pendidikan yang berkualiti, dengan pendidik yang berfikiran kritis dan kreatif, perancangan kurikulum dan sukanan yang rapi, latihan guru yang memadai, penilaian yang wajar, serta buku dan bahan ajar yang merangsangkan pemikiran.

Kreativiti Dalam Sains Dan Teknologi

1. Bahasa mempengaruhi pemikiran dan membezakan pemahaman serta tafsiran tentang dunia kehidupan penutur berkenaan. Kelainan bahasa dan sekaligus budaya inilah yang mencetuskan kelainan persoalan, karya, idea, prinsip dan sebagainya yang secara langsung meluaskan sempadan ilmu dan meningkatkan kemajuan bangsa. Program peningkatan tabiat membaca dan daya kreatif berupaya menanam sikap megah bahasa dan sastera oleh itu perlu dirancang.
2. Perkara-perkara sebegini perlu ditonjolkan dan diketengahkan dalam pelbagai wadah dan wahana, melalui sidang dan simposium, melalui seminar dan kolokium, supaya kreativiti setempat dapat dihayati secara global, supaya lalu lintas ilmu itu tidak sentiasa sehala, dan kita bukan sekadar penerima tetapi juga pemberi. Di samping itu, ilmu fardu ‘ain dengan penekanan kepada nilai-nilai murni melalui amali/bengkel/seminar/ perlu disampaikan.
3. Pencapaian yang tinggi dalam sains memerlukan pembudayaan ilmu terlebih dahulu, dan pembudayaan ilmu lebih berjaya dicapai melalui bahasa sendiri. Bukti pendidikan melalui bahasa sendiri mendorong pembudayaan ilmu yang langsung membawa kemajuan dapat

dilihat pada sejarah pembangunan sains di negara maju yang membangun dengan bahasa sendiri dan realiti bahawa Jepun, dengan daya kreativiti umatnya dan dengan bahasanya sendiri telah muncul sebagai gergasi elektronik dan komputer yang dikagumi dunia.

4. Kreativiti bangsa dalam era teknologi maklumat kini dapat dicetuskan melalui pembudayaan teknologi maklumat. Pembudayaan ini akan meluas apabila jurang digital diatasi melalui pengkomputeran komuniti. Pengkomputeran komuniti pula amat bergantung pada kefahaman dan penghayatan perkhidmatan yang tentunya lebih berjaya dilaksanakan melalui bahasa sendiri atau bahasa tempatan.
5. Pembudayaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dan teknologi multimedia dalam proses pembelajaran dan pengajaran perlu ditingkatkan dengan menghasilkan dan menggunakan perisian dan bahan ajar bahasa dan kebahasaan yang multimedia sifatnya, sekaligus kreatif dan menarik. Sebagai contoh, perkara ini telah diberikan penekanan yang khusus oleh kerajaan Malaysia berdasarkan pembiayaan projek pengkomputeran aplikasi rintis melalui geran penyelidikan DAGS (Demonstrator Application Grant Scheme).
6. Kreativiti bahasa dalam karya bukan kreatif terdapat dalam ilmu perubatan Melayu dalam kelompok karya yang dikenali sebagai kitab tib. Koleksi kitab yang ada di serata dunia ini dengan judul kitab tib, kitab tabib, kitab ubat atau kitab hubat-hubatan perlu diteliti dan diterbitkan semula supaya dapat dimanfaatkan. Demikian juga halnya dengan cabang ilmu pribumi yang lain. Oleh itu, MABBIM disarankan supaya tidak lagi tertumpu pada kerja peristilahan semata-mata tetapi mengasaskan gerak kerjanya pada pengumpulan, pendokumentasian dan penyebaran bahan ilmu pribumi. Pada masa yang sama karya yang menjana kreativiti pembaca, merentasi budaya di kalangan anggota MASTERA misalnya, supaya wujud perkongsian jati diri perlu digalakkan.

Kreativiti Dalam Komunikasi Humor

1. Bahasa begitu rapat dengan penuturnya dan budayanya. Ini sekaligus mempengaruhi pemikiran, kreativiti, penciptaan dan inovasi penggunaannya. Dinamiknya sesuatu bahasa ini dalam masyarakat penuturnya dapat dilihat dalam salah satu ragam komunikasi, iaitu komunikasi humor. Kreativiti dalam komunikasi jenis ini dapat dimanfaatkan dalam industri pengiklanan supaya iklan yang berhasil itu kreatif dan dapat mencerminkan jati diri bangsa yang bermaruah dan berhemah tinggi.
2. Selain itu, kurikulum pemikiran kritikal pada peringkat sekolah, dan kurikulum latihan perguruan yang meliputi pemikiran kritikal, wajar diperkenalkan. Hal ini kerana pelajar akan dididik untuk melihat sesuatu fenomena daripada perspektif yang berbeza.

CABARAN EVOLUSI BAHASA¹⁵

Dato' A. Aziz Bin Deraman

Sejarah membuktikan bahawa bahasa Melayu/Indonesia telah berkembang daripada status bahasa Melayu/Indonesia Purba menjadi bahasa Melayu/Indonesia Kuno dan seterusnya menjadi bahasa Melayu/Indonesia Modern setelah melalui beberapa proses penyerapan daripada bahasa Sanskrit, Arab, Parsi, Cina, Belanda, Portugis, Inggeris dan beberapa yang lain.

Situasi terkini pula menunjukkan bahawa perkembangan era globalisasi dunia hari ini telah dipercepat oleh perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Maka, seiring dengan itu lah kita perlu meneruskan evolusi bahasa Melayu/Indonesia ke peringkat maya sebagai sambutan kepada cabaran-cabaran baru yang dihadapi seluruh masyarakat sedunia, termasuk masyarakat di rantau ini untuk menyertai bahasa-bahasa utama lain di dunia. Untuk itu, Seminar hari ini yang bertemakan *Penjanaan Kreativiti Bangsa Melalui Bahasa* ternyata amat relevan kerana di sinilah kita dapat sama-sama membincangkan sejauh mana bahasa memainkan peranannya dalam mencetuskan kreativiti di kalangan masyarakat. Malik Bennabi, seorang tokoh sejarah sosiologi yang terkenal pada abad ini mengungkapkan bahawa “*Sesuatu bangsa tidak akan berupaya mencipta banyak idea apabila semangat kreativitinya pupus. Idea-idea adalah alat untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh bangsa itu dari masa ke masa*” dan idea itu ternyata memerlukan bahasa masyarakat itu sendiri untuk diungkapkan dan dihayati serta dimanfaatkan oleh anggota masyarakat itu.

Kerjasama kebahasaan yang kita bina bersama ini telah menjangkau tiga dekad lamanya, manakala kerjasama kesusteraan pula bakal menjangkau satu dekad pada tahun hadapan. Dalam tempoh itu pelbagai kejayaan telah kita capai. Antaranya, melalui MABBIM kita telah berjaya menyepakati sebanyak lebih 350 ribu istilah daripada 414 bidang/subbidang ilmu. Dalam tempoh tiga dekad itu juga MABBIM telah berjaya mengumpulkan dan mengodifikasi ilmu dalam bentuk buku pedoman untuk masyarakat linguistik amnya. Dan pada Sidang Eksekutif MABBIM kali ini, kita akan mengesahkan edisi *Pedoman Umum Pembentukan Umum Pembentukan Istilah* yang telah disemak semula oleh ketiga-tiga negara anggota bagi memantapkan pedoman sedia ada untuk digunakan oleh para pengubal istilah khususnya dan masyarakat linguistik amnya.

Pada waktu yang sama, MASTERA pula telah merancang pelbagai kegiatan dalam rangka kerja lima tahun untuk melaksanakan kegiatan sastera dan penyelidikan sastera di negara-negara anggota secara bersepadau, demi merapatkan hubungan dan kerjasama kesusteraan negara-negara anggota dalam usaha memajukan dan mengembangkan kesusteraan serantau ke arah menjadi warga sastera dunia yang berwibawa. Namun demikian, biarlah kejayaan kita itu menjadi pendorong buat kita untuk meneruskan usaha mengembangkan bahasa dan sastera Melayu/Indonesia, dan pada masa yang sama memantapkan pembinaannya bagi beberapa aspek yang masih belum mantap. Sehubungan dengan itu, saya selaku Ketua Perwakilan Malaysia, berasa amat yakin bahawa hubungan keakraban antara tiga negara berkat kesungguhan tokoh-tokoh terdahulu ini dapat dilaksanakan dengan penuh kebijaksanaan dan semangat permuafakatan.

¹⁵Disesuaikan daripada Teks Ucapan Ketua Perwakilan Malaysia Y. Bhg. Dato' Haji A. Aziz Bin Deraman Pada Majlis Perasmian Sidang Ke-43 Mabbim Dan Ke-9 Mastera Balai di Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa, Kuala Lumpur, Malaysia. Pada 8 Mac 2004

BAHASA LAMBANG IDENTITAS BANGSA¹⁶

Dr Dendy Sugono

Kerja sama kebahasaan yang semula bernama Majelis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM, 1972) dan kemudian menjadi Majelis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia ((Mabbim, 1985) ini telah berusia 32 tahun. Kerja sama ini telah menyatukan pandangan dan kerja bersama untuk mengembangkan bahasa kebangsaan dalam menghadapi tantangan (cabaran) kehidupan ke depan.

Dalam tatanan kehidupan dunia yang baru, globalisasi, telah terjadi persaingan secara terbuka berbagai produk dalam memenuhi keperluan hidup. Dalam perubahan tatanan seperti itu bahasa menjadi penting dalam kehidupan suatu bangsa. Bahasa menjadi lambang identitas bangsa. Pada saat seperti itu terjadi pula persaingan penggunaan bahasa, terutama didorong oleh penggunaan teknologi informasi modern yang dapat melampaui batas ruang dan waktu sehingga keterbukaan tidak dapat dihindarkan. Dalam keadaan seperti itu posisi bahasa kita menjadi semakin strategis dalam kehidupan kebangsaan, baik sebagai perekat persatuan dan kesatuan bangsa maupun sebagai sarana dalam penyelenggaraan pemerintahan, pendidikan, perhubungan pada tingkat nasional, pengembangan kebudayaan nasional, pengembangan dan pemanfaatan ilmu pengetahuan dan teknologi modern, sebagai bahasa pengantar media massa, pendukung sastra, serta pemerkayaan bahasa dan sastra daerah.

Dalam menghadapi tantangan seperti itu, kerja sama kebahasaan Mabbim telah memacu perkembangan peristilahan melalui sidang-sidang pakar yang mempertemukan pakar bahasa dan pakar berbagai bidang ilmu dari ketiga negara anggota untuk membahas penyelesaian istilah bahasa kebangsaan kita. Percepatan pengembangan kosakata/istilah itu menjadi amat penting agar kedudukan dan fungsi bahasa kebangsaan kita makin mantap di tengah-tengah tatanan kehidupan global karena kekayaan kosakata menunjukkan kemajuan peradaban suatu bangsa, sebagaimana ungkapan leluhur kita yang mengatakan bahwa *bahasa adalah jiwa bangsa*. Selain pengembangan istilah, kini Mabbim akan meluaskan kerja sama di bidang penelitian bahasa, penerjemahan, penulisan buku acuan, dan pengembangan tenaga kebahasaan

Sastra merupakan media ekspresi berbagai gagasan modern, pencerminan jati diri dalam membangun kebudayaan baru yang diilhami oleh sumber-sumber kebudayaan tradisi dan kebudayaan modern. Sebagai wahana ekspresi budaya, sastra mempunyai fungsi menumbuhkan rasa kenasionalan, solidaritas kemanusiaan, dan merekam perkembangan kehidupan masyarakat. Oleh karena itu, pemberdayaan sastra, yang melibatkan karya sastra, masyarakat, dan sastrawan, perlu terus diupayakan. Pemberdayaan itu dapat mencakup penciptaan iklim berkarya sastra dan publikasinya serta peningkatan apresiasi sastra di berbagai kalangan masyarakat. Hal itu perlu mendapatkan perhatian kita karena hingga kini pemahaman masyarakat terhadap sastra belum menggembirakan, baik dalam pendidikan maupun dalam bidang lainnya. Dengan demikian, peningkatan penciptaan karya sastra dan apresiasi sastra diharapkan akan mampu memupuk rasa kenasionalan dan solidaritas kemanusiaan serta mampu memahami perkembangan kehidupan masyarakat. Pada gilirannya wawasan itu diharapkan akan memantapkan rasa persatuan dan kesatuan bangsa.

¹⁶Disesuaikan daripada Sambutan Ketua Perutusan Indonesia Pada Peresmian Pembukaan Sidang Ke-43 Majelis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia, Sidang Ke 9 Majelis Sastra Asia Tenggara, Dan Seminar Ke-12 Bahasa Dan Sastra Kuala Lumpur, 8 Maret 2004

Atas dasar pemikiran tersebut, kerja sama di bidang sastra dalam kerangka Majelis Sastra Asia Tenggara (Mastera) telah melakukan upaya bersama untuk mengembangkan kehidupan sastra melalui penelitian, bengkel penulisan kreatif, kuliah sastra bandingan, pemberian penghargaan, dan publikasi. Pengembangan minat baca dan apresiasi sastra ini akan diperluas di kalangan generasi penerus melalui jalur pendidikan, antara lain pelibatan guru-guru bahasa/sastra dalam pertemuan-pertemuan sastra dan pemanfaatan sastrawan/tokoh kritik sastra di sekolah-sekolah.

Atas dasar gambaran keadaan kebahasan dan kesastraan serta perkembangan masyarakat dalam persiapan memasuki tatanan kehidupan dunia (globalisasi) Mabbim dan Mastera berupaya mengetengahkan permasalahan-permasalahan aktual dalam seminar yang diselenggarakan dalam rangka sidang Mabbim dan Mastera. Untuk itu, seminar kali ini mengambil tema *Penjanaan Kreativiti Bangsa melalui Bahasa dan Sastra Melayu/Indonesia*.

GERBANG BAHASA PEMASYARAKAT ISTILAH¹⁷

Haji Abu Bakar bin Haji Zainal

Dalam usia 30 tahun ini terlebih banyak cabaran dan halangan yang dihadapi dalam usaha pengembangan, perancangan dan pembinaan bahasa Melayu/Indonesia. Walau bagaimanapun, alhamdulillah berkat kerjasama, kita telah dapat menghadapinya. Sebenarnya, upaya untuk menjalin dan meningkatkan hubungan kerjasama kebahasaan ini merupakan usaha yang tidak berkesudahan, masih terdapat masalah dalam kerjasama kebahasaan yang perlu diselesaikan dan sumbangan tenaga dan fikiran juga masih diperlukan dari ahli MABBIM sendiri.

Kini kita telah berada di alaf baharu, zaman yang dikatakan banyak cabaran dan saingan sebagaimana yang dimaklumi dalam era globalisasi ini, teknologi maklumat semakin canggih dan mencabar kewibawaan kita dalam menangani penciptaan dan pemasyarakatan istilah yang telah kita bentuk sehingga beratus ribu istilah dalam pelbagai bidang ilmu khususnya dalam pengembangan bahasa Melayu/Indonesia umumnya, tetapi cabaran ini dapat kita atasi dengan usaha yang bersepadu iaitu dengan wujudnya Laman MABBIM dan sedikit masa lagi melalui Gerbang Bahasa.

Dalam perkembangan teknologi maklumat, komputer mengambil peranan penting dalam bidang pendidikan dan sosio-ekonomi untuk bergerak maju. Usaha untuk mengimplementasikan komputer berteraskan bahasa Melayu mungkin akan tercapai dengan usaha kita yang gigih dan mantap.

Kerjasama dalam bidang kesusastraan pula melalui Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) yang wujud pada tahun 1996 dapat kita banggakan. Kerjasama untuk memajukan dan memasyarakakan sastera di negara anggota merangkumi bidang kegiatan penelitian, pengembangan pemasyarakatan karya sastera dan pengembangan tenaga kesusastraan. Sidang kali ini merupakan sidang ke-9 dan dalam usia sembilan tahun, MASTERA telah banyak melaksanakan projek dan kegiatan bagi membina dan mengembangkan sastera Melayu/Indonesia melalui seminar, bengkel, kuliah, penerbitan dan pemberian hadiah dan anugerah.

Pada sidang kali ini, kita berupaya membulatkan pendapat ke arah merealisasikan lagi kemajuan sastera pada tahap yang sewajarnya. Akhir kata terimalah serangkap pantun dari saya.

Dari benang dibuat baju,
Untuk dijual ke Pulau Sina,
Bangsa kreatif bahasa maju,
Digalati nanti aentero dunia.

¹⁷Disesuaikan daripada Ucapan Ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam Pada Sidang Ke-43 Mabbim Dan Sidang Ke-9 Mastera di Kuala Lumpur, 8 Mac 2004.

SUKARNYA MEMAHAMI PUISI MODEN YANG BERMUTU : SUATU TANGGAPAN

Dr Masuri Salikun ¹⁸

Apabila menyebut puisi moden (sajak), sekaligus terasakan perbezaannya dengan puisi tradisional (pantun, syair, gurindam, seloka dan seumpamanya). Namun demikian, dalam menjalani hidup pada zaman teknologi maklumat abad ini, kita, umumnya masih dengan mudahnya dapat memahami puisi tradisional yang baru disebutkan tadi.

Pada hal puisi tradisional adalah hasil puisi yang kita warisi dari datuk nenek kita sejak beratus bahkan mungkin beribu tahun yang lalu. Sebaliknya, puisi moden (sajak) yang umurnya belum seabad dari sekarang, tetapi kita yang hidup pada zaman moden ini mendapat agak payah untuk menghayati, apakah lagi memahaminya. Pada hal kita rakyat terbanyak (pembaca, peminat) puisi moden (sajak) hidup sezaman dengan penyajak kita yang menghasilkan karya-karyanya sekaligus menjalani kehidupan kontemporari yang serupa juga. Menurut tanggapan saya antara sebab-sebabnya ialah :-

1. Tidak ada hubungan jiwa (batin) antara orang ramai (rakyat terbanyak) dengan penyajak.
2. Hal ini terjadi, mungkin juga kerana tidak ada seorang penyajak moden pun yang benar-benar berjaya mengetahui semua *feature physical* masyarakat kota (industri) moden yang dihayatinya.
3. Sebaliknya, masyarakat (*society*) sendiri pun tidak mengenal penyajak dalam erti kata yang sebenarnya.

Selain itu, penyajak moden kita, pada umumnya tidak memberi objek-objek puitis yang diwarisinya dalam ciptaan sajak-sajaknya, (tapi mungkin juga ia memang tidak mewarisi apa-apa) kepada rakyat jelata. Oleh sebab itu dapatlah dikatakan bahawa penyajak moden gagal untuk dapat mengarah (membimbing) rakyat, iaitu “bagaimana caranya rakyat mesti merasakan terhadap objek-objek dalam puisi moden (sajak) ciptaan mereka”.

Hal ini mungkin kerana penyajak moden tidak mempunyai objek-objek puitis (sama ada warisan atau pencarianya sendiri). Akibatnya, semua pengalamannya menjadi bahan puisinya yang potensial. Ertinya; pengalaman penyajak yang cantik (indah), juga pengalamannya yang jelek menjadi bahan puisinya. Maka melalui pengalaman-pengalamannya itu tadi, penyajak moden kita membolehkan kita (masyarakat, pembaca, anggota rakyat terbanyak) menyambut balas dan selanjutnya membolehkan kita merasa dan berfikir.

Kemudian mari kita agak sejenak merenungi keadaan hidup dunia moden. Ternyata keadaannya tidak seluruhnya INDAH dan tidak pula seluruhnya mudah untuk difahami maknanya. Fikirkan

sahajalah tentang kehidupan harian yang kita hayati sekarang ini. Berapalah yang sempat dan dapat kita fahami erti dan hakikat hidup kita yang sebenarnya? Maka Puisi Moden (sajak), yakni penyajak moden cuba memberi jawapannya (mungkin jawapannya separuh tepat, atau sipi-sipi, atau mungkin meleset langsung).

Sajak (puisi moden) hasil perasaan, fikiran yang lebih dahulu telah dihayati, dialami serta melalui proses penciptaan oleh penciptanya (penyajak) moden yang hidup sezaman dengan kita), merupakan suatu *affair* yang sangat sukar difahami. (Jelasnya sama ada mencipta sajak ataupun membaca sajak). Bahkan rakyat, masyarakat pembaca sendiri pun sukar menumpukan mindanya kepada sajak (puisi moden), kerana pada anggapan mereka, intelek kita adalah semata-mata untuk sains dan matematik, sementara emosi sahajalah untuk puisi moden (sajak).

Dalam hal ini siapa yang hendak kita persalahkan ?

1. Mungkin dasar pendidikan kita hari ini yang seolah-olah menjadikan otak dan intelek manusia berfikir khusus kepada kajian-kajian saintifik semata?
2. Pada hal untuk memahami sajak (puisi moden), ia harus memerlukan penyertaan yang langsung dan aktif daripada tiap-tiap diri seorang manusia.
3. Akibatnya, lalu timbul tanggapan : Apakah dengan berbaring-baring di tepi pantai, di kasur¹⁹, kita boleh memahami sajak (puisi moden) : Pun waktu kita belajar sajak di sekolah, biasanya kita menerima saja. Tak ada respon dari dalam batin diri kita ? Bagaimana kita boleh memahami puisi moden, seolah-olah dengan menepuk sebelah tangan sahaja ?

Jelasnya, puisi moden (sajak) bukanlah seluruhnya ‘pengalaman perasaan’ melulu. Ertinya, selepas membaca sebuah sajak, kita berasa terharu (sedih, menangis tersedu-sedu; suka, marah, geram, tertawa dan sebagainya). Keadaan begini tidak mempunyai manfaat apa-apa. Tetapi, katakanlah pula selepas membaca sesebuah sajak, kita pun membuat analisis yang menyeluruh, tentang imageri; tentang metafora, tentang diksi, tentang tema and sebagainya. Namun demikian, kita masih belum juga dapat berdasarkan *inconsistency* nya dan kita masih jua tidak faham sepenuhnya, tentang makna sajak tersebut, iaitu ditinjau dari dalam “pernyataan yang munasabah”. Maka mungkin sahaja di sini kita sedang menghayati atau menyertai suatu ‘pengalaman’ puitis.

Tapi timbul pula soalan, iaitu bagaimana pula yang dimaksudkan dengan ‘pengalaman intelektual’ dalam sesebuah sajak ? Itulah apabila kita membaca sajak, kita telah awal-awal lagi menganggap seperti kita menghadapi masalah-masalah matematik, yakni dengan menggunakan minda (otak, fikiran intelek kita) berhubung dengan (1) perkataan-perkataan dan erti mereka (2) hubungan perkataan-perkataan abstrak dengan imej-imej, lalu semua hubungan-hubungannya tadi disatukan pula dalam disiplin linguistik, struktural dan retorik. Seterusnya kita berjaya membuat satu kesimpulan (ketegasan) yang lengkap mengikut hukum-hukum logika, sehingga sajak itu pada hakikatnya tidak ada lagi apa-apa yang tinggal di dalamnya. Akibatnya dengan berbuat demikian yakni pengalaman intelektual begini ternyata telah lepas dari hakikat puisi yang sebenarnya.

¹⁸ Penulis merupakan sasterawan, aktivis pesuratan dan ketua 1 Asas 50

¹⁹ Bahasa Indonesia bermaksud ‘tilam’.

BICARA BAHASA²⁰

BUDAYA BAHASA YANG KACAU

Sekumpulan empat orang wakil dari Malaysia sedang berbual-bual di luar dewan sidang UNESCO di Paris. Waktu rehat ketika itu. Para wakil sidang dan seluruh dunia sedang menikmati jamuan ringan. Saya berada kira-kira dua atau tiga depa jauhnya daripada kumpulan wakil Malaysia itu, berbual-bual dengan Wakil Tetap Korea Selatan ke UNESCO. Kami berdua berbual-bual dalam bahasa Inggeris. Tiba-tiba duta Korea itu menukar tajuk perbualan. Dia bertanya, dengan suara perlahan, agak berbisik sedikit, “Mengapakah orang dari Malaysia itu berbual-bual sesama sendiri dalam bahasa Inggeris? Mengapakah mereka tidak bercakap dalam bahasa sendiri?” Saya tidak terperanjat. Itu bukan kali pertama dia atau beberapa orang lain menanyakan soalan yang sama.

Dia tertarik untuk menanyakan soalan itu kerana katanya, “Saya selalu memerhatikan orang Malaysia lebih banyak bertutur sesama sendiri dalam bahasa Inggeris, bukan sahaja di luar sidang, tetapi juga di kafeteria UNESCO, di dalam lif, di majlis jamuan makan.” Dia hairan bukan kerana dia tidak suka kepada bahasa Inggeris, tetapi kerana hal seperti ini dianggapnya ganjil kalau dilakukan oleh orang Korea sesama sendiri. Katanya, “Kami sentiasa bercakap sesama sendiri dalam bahasa kami di mana-mana sahaja dan tentang perkara apa sahaja.”

Diplomat Korea Selatan itu berkelulusan Ph.D dalam bidang sains politik dari Amerika Syarikat. Walaupun orang yang berkelulusan Ph.D dari Amerika belum tentu handal bahasa Inggerisnya, saya perhatikan bahasa Inggeris duta Korea Selatan itu cukup baik. Tetapi, katanya kepada saya, “But I never speak English with my Korean colleagues; we never do; it's not our habit; it's strange — we only speak in our language.”

Bahasa Campur Aduk

Perihal orang Malaysia selalu berbual-bual dan bercakap-cakap sesama sendiri dalam bahasa Inggeris di luar majlis dan perjumpaan rasmi antarabangsa di UNESCO rupa-rupanya diperhatikan oleh orang lain. Bukan sahaja pegawai kanan kerajaan, ahli politik, ahli perniagaan, pensyarah dan pelajar universiti, bahkan pelawat biasa yang datang ke Ibu Pejabat UNESCO, ataupun ke pejabat Perwakilan Tetap Malaysia, boleh dikatakan selalunya akan berbual-bual, berbincang, bercerita sesama sendiri dalam bahasa Inggeris, atau dalam bahasa Melayu kacukan, yakni bahasa Inggeris pun bukan, bahasa Melayu pun bukan, tetapi bahasa campur aduk. Kumpulan empat orang wakil Malaysia yang tersebut di atas semuanya orang Melayu. Contoh bahasa perbualan mereka: “I hendak balik ke hotel to pray”, atau “Tonight let's go to Siamese restaurant. Makanan Siam di Paris good or not?”, atau “I nak pegi ke duty-free shops after lunch; discountnya big or not?”, atau “Meeting ni boringlah. Banyak delegate cakap banyak sangat”, “I nak balik awal sedikit hari ini, must do some shopping, no more time”, atau “I belum confirm tiket I lagilah. Where is MAS office?”

Perkara yang dianggap ganjil oleh orang lain itu ialah, perihal orang Malaysia berbual-bual sesama sendiri dalam bahasa asing, iaitu bahasa Inggeris. Selama saya bergaul dengan para wakil masyarakat antarabangsa di UNESCO, saya tidak pernah atau jarang-jarang melihat (atau mendengar) orang lain berbual-bual atau berbincang sesama bangsa sendiri dalam bahasa asing. Saya katakan jarang-jarang, kerana ada kalanya saya mendengar orang dari Afrika berbual-bual sesama sendiri dalam bahasa Inggeris atau Perancis, tetapi ini disebabkan mereka tidak mempunyai bahasa sendiri yang standard, yang difahami oleh kebanyakan orang di dalam sesebuah negara. Sebenarnya, saya membuat sedikit kajian tentang hal ini dan mencatatkan hasilnya dalam buku catatan saya. Sebagai contoh, pernah beberapa kali saya duduk di sebelah perwakilan Jepun selama dua minggu bermesyuarat. Tiada sepatah pun kata Inggeris yang keluar dari mulut orang Jepun itu selama mereka berbual-bual sesama sendiri. Di dalam dewan sidang itu, para wakil Jepun bertukar-tukar nota dan pendapat, bertanyakan sesuatu, semuanya dalam bahasa Jepun. Dan saya tahu, Wakil Tetap Jepun ke UNESCO (sahabat baik saya yang kini menjawat jawatan baru sebagai duta negaranya ke Costa Rica) dan anggota perwakilan tetapnya semuanya fasih berbahasa Inggeris. Mereka menggunakan bahasa Inggeris (kerana bahasa ini salah satu bahasa rasmi UNESCO) hanya untuk menyampaikan ucapan atau untuk berbahas dalam mesyuarat itu, atau apabila mereka berbual-bual dengan orang lain yang tidak memahami bahasa Jepun.

Hal yang sama saya perhatikan berlaku di kalangan para wakil sama ada dan negara Cina, Indonesia, Pakistan, negara Eropa ataupun Arab. Wakil Tetap Cina dan semua anggota/pegawai perwakilan tetapnya fasih dalam bahasa Inggeris, tetapi apabila mereka berbual-bual atau berbincang sesama sendiri, bahasa yang digunakan oleh mereka tetap bahasa Mandarin, tidak kedengaran bahasa Inggeris walau sepatah pun. Mereka menjelaskan kepada saya begini: “Apa perlunya kami menggunakan bahasa Inggeris sesama sendiri sedangkan kami mempunyai bahasa sendiri yang dapat menyampaikan segala maksud hati dan fikiran kami?” Wakil Tetap Indonesia, ahli sains, bekas rektor universiti di Indonesia, berkelulusan Ph.D. dalam bidang fizik di Universiti Stanford, Amerika Syarikat; bahasa Inggerisnya tinggi, tetapi saya tidak pernah mendengar dia menggunakan bahasa Inggeris dengan anggota stafnya atau apabila dia berbual-bual dengan kami dan Perwakilan Tetap Malaysia. Katanya kepada saya, “Saya lebih senang bicara dalam bahasa sendiri. Bahasa Inggeris itu hanya perlu sebagai bahasa antarabangsa. Namun demikian, Pak Harto (Presiden Suharto) apabila berucap di PBB menggunakan bahasa Indonesia, dan masyarakat antarabangsa tidak mengatakan beliau bodoh atau mentertawakan beliau kerana tidak menggunakan bahasa Inggeris, malah mereka menghormati beliau.”

Bangsa Perancis Dengan Bahasanya

Bangsa yang paling taat kepada bahasanya sendiri ialah bangsa Perancis. Wakil Tetapnya, dalam suatu mesyuarat penting UNESCO, apabila dia tersulut mengeluarkan kata Inggeris “Mr. Chairman ...”, cepat-cepat membetulkan kesilapannya itu dengan berkata dalam bahasa Perancis, “Saya minta maaf; saya tersulut. Saya tidak bermaksud untuk berucap dalam bahasa Inggeris kerana saya mempunyai bahasa sendiri.” Para hadirin tergelak, sambil mengangguk-anggukkan kepala, tanda bersetuju. Dalam satu mesyuarat separuh rasmi, saya telah diminta mempergerusikannya. Oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, kemudahan terjemahan serentak tidak dapat disediakan oleh pihak UNESCO. Ini bererti bahawa mesyuarat dapat dikendalikan hanya dalam bahasa Inggeris sahaja. Tetapi dalam mesyuarat itu turut hadir seorang wakil dari

²⁰ Ruangan ini membincangkan polemik atau kemesyikilan bahasa yang mungkin timbul di kalangan pengguna dan pemerhati bahasa. Rencana ini merupakan respons Ketua Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Haji Hassan Ahmad yang telah ditebitkan dalam majalah Dewan Masyarakat bulan Oktober 1994. Ia telah ditebitkan semula dalam buku “Manifesto Budaya- Pupus Bahasa Pupus Bangsa” yang diterbitkan oleh Persatuan Linguistik Malaysia (1996).

negara Perancis. Saya tahu, dia cukup fasih berbahasa Inggeris. Tetapi dia membantah; sekiranya dia tidak dibenarkan menggunakan bahasa Perancis, dia akan keluar. Saya tahu, dasar kerajaan Perancis mewajibkan semua orang Perancis menggunakan bahasa Perancis dalam semua mesyuarat, rasmi atau tidak rasmi, yang diadakan di negeri Perancis. Boleh jadi ini lahir daripada kesedaran nasionalisme dan sejarah yang tinggi di kalangan bangsa Perancis. Mereka menganggap bahawa bahasa Perancis mempunyai sejarah yang lama sebagai bahasa diplomatik di Eropah, berbanding dengan bahasa Inggeris. Kami menghormati dasar dan tradisi in maka terpaksa salah seorang anggota mesyuarat itu “dilantik” untuk menterjemahkan apa-apa yang diucapkan dalam bahasa Inggeris ke bahasa Perancis dan apa-apa yang diucapkan oleh mereka dalam bahasa Perancis terpaksa diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris.

Budaya Bahasa Bangsa Kita

Bangsa kita lain sekali “budaya bahasanya”. Apabila berbual-bual sesama sendiri di mana-mana sahaja mereka bertemu di luar negeri, baik di restoran, di kedai, di tengah jalan, di pejabat Perwakilan Tetap Malaysia, atau di dalam dewan atau di luar dewan sidang UNESCO di Paris, bahasa yang digunakan oleh mereka ialah bahasa seperti yang digunakan oleh kumpulan wakil Malaysia yang tersebut di atas. Pada suatu ketika, saya mengadakan jamuan di tempat kediaman saya di Paris, dan mengundang tiga orang sarjana bahasa/sastera Melayu-Indonesia bangsa Perancis yang berada di Paris, iaitu Profesor Denis Lombart, Profesor Labrousse, dan Dr. Munique-Zaini. Seorang pegawai kanan kerajaan (bangsa Melayu) berkata, “*It's very cold today.*” Profesor Lombart berkata, “Ya, hari ini cuaca agak dingin sedikit. Tetapi kami sudah biasa.” Lalu, salah seorang sarjana bahasa/sastera Melayu-Indonesia itu berbisik kepada saya, “Hairan ya, mengapa orang Melayu lebih suka bicara dalam bahasa Inggeris.” Sepanjang majlis pertemuan itu, ketigatiga orang Perancis itu terus-menerus berbual-bual dalam bahasa Melayu, kecuali apabila mereka terpaksa menggunakan bahasa Inggeris untuk berbual dengan tetamu bukan dari Malaysia yang tidak memahami bahasa Melayu.

Mutu Bahasa Inggeris Orang Malaysia

Selalu saya perhatikan bahawa bahasa Inggeris yang digunakan oleh orang Malaysia apabila mereka berbual-bual sesama sendiri bukanlah bahasa Inggeris yang bermutu tinggi. Nuhunya salah, sebutannya ala telor Melayu, kata-kata Inggeris yang digunakan tidak tepat. Tetapi mereka tetap mati-matian mahu bercakap dalam bahasa Inggeris yang tidak bermutu itu. Penggunaan bahasa Inggeris yang salah, yang rendah mutunya, memang kerap kita dengar apabila orang dan latar belakang bahasa yang berbeza-beza mencuba atau terpaksa menggunakan bahasa Inggeris untuk berbual-bual dengan orang lain, ataupun untuk berbincang dalam mesyuarat. Tetapi hal ini tidak menjadi bahan tertawaan di kalangan masyarakat antarabangsa kerana mereka tahu bahawa bahasa Inggeris bukan bahasa ibunda mereka. Yang dipentingkan oleh mereka ialah isinya, pendapat dan idea, dan dialog.

Pernah, secara berseloroh, saya mencabar orang Melayu yang seronok sangat bercakap dalam bahasa Inggeris sesama sendiri itu supaya menggunakan bahasa itu dalam perbahasan antarabangsa di UNESCO, kalau benar-benar bahasa Inggeris mereka lebih baik daripada bahasa Melayu.

Jangan gunakan teks ucapan yang disediakan oleh orang lain. Buat ucapan berdasarkan karangan sendiri. Dua tiga orang wakil Malaysia yang dicabar itu berkata, “Ooi, saya tidak berani; bahasa Inggeris saya tidak baik.” Kalau begitu, mengapa kita tidak menggunakan bahasa Melayu sahaja dalam perbualan sesama sendiri?

Yang menjadi masalah ialah, apabila ada orang yang berkata bahawa bahasa Inggeris itu penting, tidak jelas apakah maksudnya. Yang lucunya ialah bahawa bahasa Inggeris dan bahasa Melayu mereka sendiri tidak kuat. Jadi, bagaimana kita hendak mempercayai pendapat mereka? “Budaya bahasa” yang kacau inilah yang menyebabkan kita tidak tahu apakah pentingnya bahasa rasmi/kebangsaan negara dan bahasa Inggeris untuk kemajuan bangsa. Kalau bahasa Inggeris dianggap penting untuk memungkinkan bangsa kita memperoleh ilmu yang terdapat dalam bahasa itu, kita memang bersetuju, tetapi dasar ini janganlah sampai menimbulkan sangkaan bahawa ilmu tinggi tidak dapat dicapai melalui bahasa Melayu yang lebih penting dalam proses pembentukan “identiti budaya” bangsa Malaysia.

Untuk Beberapa Orang Pelancong

Apabila beberapa orang pelancong dari Eropah merungut kerana mereka menghadapi masalah bahasa di Malaysia, kita cepat-cepat, tanpa memikirkan apakah kesannya terhadap “identiti budaya” Malaysia, hendak mengubah keadaan menurut kehendak orang lain. Negara-negara Eropah tidak akan mengubah dasar bahasanya semata-mata kerana beberapa orang pelancong asing merungut kerana tidak memahami bahasa mereka. Kepentingan wang dan perniagaan janganlah sampai menyebabkan kita menjual negara ini, bahasanya, budayanya, identitinya kepada orang asing yang datang beberapa hari sahaja ke negara ini. Saya melihat, misalnya, kata “*Thank You*” dipaparkan di pondok bayaran tempat letak kereta, atau kata-kata “*Trespassers will be prosecuted*” di sebuah tanah kosong di kawasan yang penduduknya 80 peratus orang Cina. Bahasa rasmi/ kebangsaan negara tidak digunakan. Untuk apa dan untuk siapakah bahasa Inggeris di tempat awam itu — bukan untuk kegunaan ilmu tinggi — dipaparkan? Di Perancis hal seperti ini tidak akan berlaku; jika dilakukan, orang ramai berhak mendakwa pihak yang meletakkan kenyataan yang dibuat dalam bahasa Inggeris itu. Kalau lah orang Melayu, orang Cina, ataupun orang India masuk ke tanah yang kosong itu dan mengatakan dia tidak memahami kenyataan yang tertulis dalam bahasa Inggeris itu, apakah tindakan yang dapat diambil terhadap orang itu? Ini bukan sahaja masalah undang-undang atau masalah “kepentingan awam” (kerana berapa banyakkah orang di kawasan berkenaan yang memahami apakah maksud bahasa Inggeris “*Trespassers will be prosecuted*” itu?), tetapi juga masalah budaya, masalah identiti.

LIPUTAN KHAS SAMBUTAN BULAN BAHASA 2004

Amanat Bulan Bahasa 2004

Sekapur Sirih

Sepatah Dua Kata

Sekretariat Bulan Bahasa 2004

Jawatankuasa Bulan Bahasa 2004

Badan Pendukung Bulan Bahasa 2004

Atur Cara Majlis Pelancaran

Kalendar Bulan Bahasa 2004

Selintas Bulan Bahasa 2002

Lagu Tema Bulan Bahasa

Menjunjung Budi

Rencana Khas Sambutan Bulan Bahasa 2004

AMANAT

Saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Bulan Bahasa 2004 atas usaha yang berterusan untuk menyemarakkan penggunaan bahasa Melayu di Singapura. Usaha sebegini wajar diberi sokongan kerana melalui Bulan Bahasa, masyarakat Melayu dan pengguna bahasa Melayu mendapat dorongan untuk sentiasa prihatin akan pentingnya menggunakan bahasa Melayu dengan baik dan melestarikan bahasa Melayu di Singapura.

Saya difahamkan bahawa Bulan Bahasa 2004 menumpukan perhatian kepada keterampilan bahasa Melayu. Ini amat sesuai sekali kerana bahasa Melayu telah berkembang sejak usaha membakukannya bermula lebih tiga dekad lalu. Bahasa Melayu adalah bahasa yang hidup, yang dapat digunakan sebagai alat penghubung bagi pelbagai bidang. Pendeknya, bahasa tersebut kekal relevan di samping terus berguna sebagai penyampai nilai-nilai murni masyarakat Melayu.

Pemerintah akur akan kepentingan mempelajari bahasa ibunda dan sentiasa memberikan sokongan atas segala usaha baik yang dapat meningkatkan nilai bahasa-bahasa ibunda di Singapura. Oleh itu, dasar dwibahasa kita memberikan peluang kepada rakyat untuk mempelajari bahasa ibunda selama yang boleh dan ke peringkat pengajian tertinggi yang termampu. Ini penting agar generasi muda dapat meneruskan warisan bahasa dan budaya kita.


Walaupun arus globalisasi lebih bergantung pada bahasa Inggeris, saya sangat berharap agar masyarakat Melayu terus menggunakan bahasa Melayu dengan berkesan dalam kehidupan mereka. Sekali lagi tahniah dan selamat maju jaya.

LEE HSIEN LOONG

Timbalan Perdana Menteri

Merangkap Menteri Kewangan





SEKAPUR SIRIH

Bahasa Melayu merupakan wahana perhubungan secara global pada suatu masa dahulu apabila ia berfungsi sebagai lingua franca di rantau ini. Tidak mengira bangsa manupun agama, semua pedagang akan menggunakan bahasa Melayu secara tekal. Keadaan ini menggalakkan para orientalis Barat memulakan banyak penyelidikan ke dalam nahu dan pragmatik bahasa Melayu. Antara mereka termasuk Winstead, R.J Wilkinson dan Cyril Skinner. Kemasukan pengaruh bahasa yang berbagai seperti Sanskrit, Tamil, Cina, Portugis, Belanda, Inggeris dan lain-lain telah mencorak kedinamikan bahasa Melayu pada zaman awal pertumbuhannya. Kini, walaupun kedudukan ekonomi dan keperluan perhubungan antarabangsa meletakkan bahasa lain sebagai bahasa global, ia masih menjadi antara bahasa terbesar dunia.

Perubahan iklim dunia komunikasi telah mencorak semula citra bahasa Melayu lantas membolehkan ia bukan saja terus wujud dalam keadaan yang mantap, tetapi menyerap istilah-istilah semasa dan berkembang mekar. Kini terdapat lebih daripada 350,000 istilah dalam bahasa Melayu bagi hampir semua bidang dan disiplin termasuk astronomi, kimia, undang-undang, teknologi maklumat, perubatan, sains, teknologi, kejuruteraan dan sains hayat. Kehadiran istilah-istilah yang begitu meluas cakupannya membuktikan bahawa bahasa Melayu tetap berpotensi mengembangkan sayapnya dalam dunia baru ini.

Bahasa sering disinonimkan dengan keperluan ekonomi. Bangsa yang cemerlang dalam ekonomi akan turut menojangkan bahasanya menjadi bahan niaga yang menarik sehingga ramai yang ingin mempelajarinya. Ini berlaku terhadap bahasa-bahasa utama dunia seperti Inggeris, German, Jepun, Cina dan India. Bagaimana halnya dengan bahasa Melayu?

Iklim perniagaan dan perhubungan serantau akan terus berkembang. Bahasa Melayu merupakan bahasa yang dituturkan 250,000,000 penduduk Nusantara akan terus meningkat kepentingannya, sejajar dengan ligatnya interaksi dalam bidang ekonomi, politik dan sosial pada tahap kerantauan dan dunia. Perluasan kegiatan ekonomi yang bercorak kerantauan melibatkan Indonesia, Malaysia, Brunei dan Filipina serta perubahan dasar yang membolehkan penggunaan bahasa Melayu yang lebih luas akan menghasilkan potensi yang lebih besar. Ini tentunya akan meningkatkan kemampuan bahasa tersebut dan membolehkan kemungkinan darjatnya sebagai lingua franca seperti pada suatu masa dahulu itu dicapai semula.

Kita perlu mempersiapkan diri untuk menghadapi zaman tersebut agar dapat memanfaatkannya secara sebaik mungkin. Usaha menjayakan sambutan Bulan Bahasa seperti ini dengan tumpuan terhadap keterampilan bahasa memang tepat pada waktunya. Permutu "Baku Bahasaku" memang bersesuaian dengan konsep keterampilan kerana ia memastikan terhasilnya bahasa yang standard dalam perhubungan rasmi yang memerlukan penggunaan istilah-istilah yang lebih lengkap.

Majlis Bahasa Melayu Singapura akan terus melaksanakan rancangan membangun bahasa Melayu di Singapura melalui kerjasama kukuh dengan badan-badan lain. Kita juga perlu memantapkan usahasama yang bersifat antara kementerian, khususnya antara Majlis Bahasa Melayu Singapura dan Kementerian Pendidikan Singapura, agar wujud keselarasan usaha dalam membangun dan memperluas penggunaan bahasa Melayu.


Saya penuh yakin bahawa dengan sokongan padu semua pihak termasuk media massa, sekolah, institusi pengajian tinggi dan pertubuhan-pertubuhan yang menunjukkan komitmen terhadap pragmatik bahasa Melayu baku di Singapura, sambutan Bulan Bahasa tahun ini akan mencapai objektifnya.

YATIMAN YUSOF

Setiausaha Parlimen Kanan

**Kementerian Penerangan, Perhubungan dan Kesenian
Merangkap Pengurus Majlis Bahasa Melayu Singapura**

SEPATAH DUA KATA



Sambutan Bulan Bahasa tahun ini menekankan keterampilan bahasa Melayu. Dengan menekankan aspek ini, diharap masyarakat penutur bahasa Melayu sedar akan kemampuan bahasa Melayu menjadi wahana apa sahaja bidang ilmu. Kesedaran penting ini dapat meningkatkan nilai mengekalkan penggunaan dan mempelajari bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat penutur bahasa Melayu. Kesedaran ini juga akan menarik minat mereka untuk terus mempertingkatkan kemampuan mereka berbahasa Melayu sekaligus melestarikan bahasa Melayu.

Sambutan tahun ini, seperti tahun-tahun yang lalu, melibatkan kesemua golongan masyarakat penutur bahasa Melayu. Sejak awal tahun ini lagi, kegiatan-kegiatan kebahasaan telah diwarwarkan di sekolah-sekolah dan badan-badan Melayu. Sememangnya, kegiatan-kegiatan bahasa berlaku secara berterusan di Singapura sepanjang tahun. Sambutan Bulan Bahasa 2004 ini diharap menjadi pemangkin yang dapat menyemarakkan lagi penggunaan bahasa Melayu.

Usaha untuk menceriakan Bulan Bahasa 2004 ini mendapat sokongan daripada banyak pihak. Jawatankuasa Bulan Bahasa 2004 berbesar hati atas sokongan dan pelibatan pertubuhan Melayu/Islam, kelab masyarakat dan balai rakyat, sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi, Lembaga Perpustakaan Negara, Berita Harian, saluran News TV serta Radio Warna dan Ria yang menganjurkan pelbagai kegiatan yang akan menghangatkan sambutan Bulan Bahasa kali ini. Lebih daripada 20 kegiatan yang merangkumi pertandingan, ceramah, pameran dan persembahan akan dijalankan sepanjang Bulan Bahasa ini.

Kesediaan pelbagai pihak untuk menjayakan Bulan Bahasa tahun ini adalah petanda keinginan masyarakat penutur bahasa Melayu yang mahu bahasa Melayu terus berkembang di Singapura. Ini juga mencerminkan warisan budaya Melayu yang sentiasa menghulurkan tangan demi kesejahteraan masyarakat.

Saya berharap Bulan Bahasa 2004 akan membawa kesan yang mendalam kepada penutur bahasa Melayu agar menggunakan bahasa Melayu dalam sebanyak bidang yang termampu oleh mereka. Usaha berterusan ini akan dapat memperlihatkan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa budaya dan bahasa ilmu masyarakat penutur bahasa Melayu kita.

HAWAZI DAIPI

Pengerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa 2004

Setiausaha Parlimen

Kementerian Pendidikan dan Kementerian Tenaga Manusia

SEKRETARIAT BULAN BAHASA 2004

Penasihat

Muhammad Ariff Ahmad
Dr Masuri Salikun
Dr Liaw Yock Fang

Pengerusi

Hawazi Daipi

Timbalan Pengerusi

Zakiah Bte Halim

Setiausaha

Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz

Timbalan Setiausaha

Mohd Agos Atan

Bendahari

Drs Masran Sabran

Penolong Setiausaha

Tajudin Jaafar
Juffri Supa'at
Chomil Ibrahim
Riduan Mahmood
Mohamed Hizammudin Bin Mohamed Yusof
Nazeerah Bte Alla'udin
Nazreen Bte Mohamed Noor
Fariz Husnah Bin Sajani
Humairah Bte Sulaiman
Nurul Aini Ajmain

JAWATANKUASA BULAN BAHASA 2004

Anggota

A Samat Ali
 Nazeerah Bte Alla'udin
 Nazreen Bte Mohamed Noor
 Dewani Abbas
 Haji Chomil Bin Ibrahim
 Yahya Bin Hamid
 Rosli Manan
 Juffri Supaat
 Hj Ahmad Bin Betak
 Rugaya Bte Mohamed Abu Bakar
 Mohamed Bin Sungip
 Imran Bin Ahmat
 Yasmine bte Mohd Ali
 Noraini Mohamad
 Rahimah Ahmad
 Maswari bin Sori
 Ratinah bt Rawi
 Sarimah Ahmad
 Mohd Yahya Zakaria, PBM
 Hajah Zaiton Bte Shafie
 Rashidah Bte Abdul Samad
 Mustaffa bin Abu Bakar
 Kamsan bin Alias
 Sa'adiah binte Abdul
 Rahmah Masri
 Fatimah Suparman
 Mohd Ariffin bin Sani
 Anwar Datt
 Mohd Noor Mohd Said, PBM
 Rosyati Ahmad
 Radin Norhayati
 Tajudin Jaafar
 Fauziah Bte Mohamed
 Shahrudin Bin Salleh
 Asnah Asrap
 Wan Imran Mohd Woojdy
 Prof Madya Dr Paitoon M C
 Muhammad Amir Abdullah
 Som Said, PBM
 Marina Yusoff
 Isadora Mohd
 Esfan Rizal Rahwon

ASAS '50
 ASAS '50
 ASAS '50
 Berita Harian
 Jwk Bersama Bulan Bahasa Zon Barat
 Jwk Bersama Bulan Bahasa Zon Woodlands
 Jwk Bersama Bulan Bahasa Zon West Coast
 Lembaga Perpustakaan Negara
 MAEC Buona Vista
 MAEC Buona Vista
 MAEC Bukit Timah
 MAEC Bukit Timah
 MAEC Bukit Timah
 MAEC Bishan
 MAEC Clementi
 MAEC Changi Simei
 MAEC Eunos
 MAEC Henderson
 MAEC Kaki Bukit
 MAEC Telok Blangah
 MAEC Tampines West
 Majlis Pusat
 Kementerian Pendidikan (MOE)
 Institut Pendidikan Nasional (NIE)
 Universiti Teknologi Nanyang (NTU)
 Universiti Nasional Singapura (NUS)
 Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM)
 Sri Warisan Som Said Performing Arts Ltd
 Warna 94.2FM Mediacorp Radio Singapore Pte Ltd
 TVNews Mediacorp Television Singapore Pte Ltd
 Persatuan Persuratan Pemuda-Pemudi Melayu (4PM)

BADAN PENDUKUNG BULAN BAHASA 2004

ASAS '50

4.00 ptg	Pendaftaran
4.45 ptg	Para jemputan dipersilakan duduk
5.00 ptg	Ketibaan Tetamu Terhormat
5.05 ptg	Ucapan Pengurus Bulan Bahasa 2004
5.10 ptg	Ucapan Tetamu Terhormat
5.30 ptg	Pelancaran Bulan Bahasa 2004
6.00 ptg	Persembahan
	Jamuan

ATUR CARA MAJLIS PELANCARAN